



SIARAN AKHBAR

MAJLIS PEMBUKAAN DIKIR SEMPENA SAMBUTAN
MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM 1446H/2024M
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
SERTA JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA

Hari Khamis, 02hb. Rabiulawal 1446H bersamaan 05hb. September 2024M

Bandar Seri Begawan - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta Jabatan-Jabatan di bawahnya membuka tirai Dikir Maulud 12 malam berturut-turut sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah bersamaan 2024 Masihi di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir ialah ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan KSSUP serta Jabatan-Jabatan di bawahnya, ahli-ahli jawatankuasa takmir masjid serta jemaah masjid berkenaan.

Majlis terlebih dahulu dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah dan disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Mulia Awang Adee Aiman bin Haji Muhidin, Pegawai Hal Ehwal Masjid Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas. Sejurus selepas itu, majlis diteruskan dengan bacaan Dikir Syarafil Anam beramai-ramai dan ditutup dengan Doa Selamat.

Majlis yang diselaraskan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan ini merupakan salah satu aktiviti tahunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam sama-sama meraih pahala dan menyemarakkan hari keputeraan junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

/TAMAT

Dikeluarkan oleh:
Unit Pentadbiran dan Perhubungan Awam
Jabatan Kemajuan Pelancongan
05hb. September 2024M